



UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 6 TAHUN 2018

KEMUDAHAN CUTI GANTIAN

1. TUJUAN

Pekeliling Pendaftar ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Kali Ke-74 Bil. (10/2018) dan menyelaraskan serta menyeragamkan pengurusan Kemudahan Cuti Gantian kepada kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Pekeliling Pendaftar ini diubahsuai berdasarkan keseuaian UniSHAMS dan kandungan Perintah Am Bab C dan G, SPP 1/1980, Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan kaedah pelaksanaan kemudahan Cuti Gantian dan Elaun Lebih Masa.

2.2. Perintah Am Bab C, Perenggan 40 menyatakan bahawa seseorang pegawai yang tidak berkelayakan mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain boleh diberi Cuti Gantian oleh Ketua Jabatan kerana dipanggil bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan.

2.3. Perintah Am Bab G menyatakan bahawa pegawai dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pekerja Sambilan adalah tidak layak dibayar bayaran lebih masa. Oleh itu, kemudahan Cuti Gantian diperuntukan kepada pegawai terlibat kerana menjalankan tugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan.

2.4. Perintah Am Bab G, Perenggan 17 turut menyatakan bahawa seseorang Ketua Pejabat atau Jabatan boleh mengkehendaki mana-mana pegawainya bertugas di luar masa yang ditetapkan bila pada pandangannya ini adalah untuk kepentingan awam atau pekhidmatan.

3. PELAKSANAAN

3.1. TUJUAN

Kemudahan Cuti Gantian diberikan sebagai gantian bayaran kepada tuntutan kerja lebih masa untuk kakitangan pentadbiran dan akademik UniSHAMS seperti yang berikut:

a) Kumpulan A

Pegawai dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Pensyarah dan Pekerja Sambilan yang tidak berkelayakan untuk mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain kerana bekerja lebih masa pada hari biasa, hari minggu dan hari kelepasan am, tertakluk kepada kriteria kerja lebih masa.

b) Kumpulan B

Kakitangan dari Kumpulan Pelaksana dengan Gred 40 dan ke bawah yang berkelayakan untuk mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain kerana bekerja pada hari biasa, hari minggu dan hari kelepasan am, dan memilih untuk menuntut Cuti Gantian sebagai gantian bayaran kepada tuntutan kerja lebih masa.

3.2. KRITERIA KERJA LEBIH MASA

Kriteria kerja lebih masa yang melayakan kakitangan untuk menggunakan kemudahan Cuti Gantian adalah seperti jadual yang berikut:

BIL	KRITERIA KERJA LEBIH MASA	KELAYAKAN
1.	Kumpulan A yang bekerja lebih masa minima 4 jam hingga 8 jam sehari pada hari minggu atau hari kelepasan am.	1 hari
2.	Kumpulan A yang bekerja lebih masa dan mengumpul jam kerja lebih masa sehingga mencapai jumlah minima 8 jam kerana bekerja pada hari biasa, hari minggu dan hari kelepasan am	1 hari
3.	Kumpulan B yang bekerja lebih masa minima 4 jam hingga 8 jam sehari pada hari minggu atau hari kelepasan am.	1 hari
4.	Kumpulan B yang bekerja lebih masa dan mengumpul jam kerja lebih masa sehingga mencapai jumlah minima 8 jam kerana bekerja pada hari biasa, hari minggu dan hari kelepasan am	1 hari

3.3. KELAYAKAN

Syarat-syarat kelayakan bagi permohonan kemudahan Cuti Gantian adalah seperti yang berikut:

- Kakitangan telah diarahkan bertugas lebih masa dan mendapat kelulusan Ketua Jabatan;
- Kakitangan yang tidak layak menerima bayaran lebih masa atau sebarang bayaran khas lain;
- Kakitangan yang layak menerima bayaran lebih masa atau sebarang bayaran khas lain; dan memilih untuk memohon kemudahan Cuti Gantian akan hilang kelayakan untuk membuat sebarang tuntutan bagi bayaran kerja lebih;
- Kakitangan hendaklah mengetik masuk dan keluar melalui sistem kehadiran;
- Kakitangan yang diarahkan bertugas di luar kawasan serta tidak dapat mengetik masuk dan keluar melalui sistem kehadiran, hendaklah mengemukakan salinan surat arahan menjalankan tugas;
- Permohonan kemudahan Cuti Gantian hanya boleh dituntut dalam tahun semasa dan tidak boleh dibawa ke tahun kehadapan bagi kakitangan berstatus Tetap;

- g) Permohonan kemudahan Cuti Gantian bagi kakitangan berstatus Kontrak hanya boleh dituntut dalam tempoh kontrak semasa sahaja dan tidak boleh dibawa ke kontrak yang seterusnya.
- h) Mengisi Borang Permohonan kemudahan Cuti Gantian (**UniSHAMS/JP/Borang/CG/2018**) seperti di lampiran. Borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pendaftar tidak kurang dari 14 hari bekerja dari tarikh Cuti Rehat Gantian.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Pendaftar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) Bilangan 6 Tahun 2018: Kemudahan Cuti Rehat Gantian ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018.

"MELESTARIKAN ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN"



(**HAJI ABDULLAH BIN HAJI HASHIM, AMK., BCK.**)

Pendaftar

Tarikh: 12 Disember 2018

s.k Rektor
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Timbalan Rektor Pembangunan, Korporat & Jaringan Industri
Bendahari
Semua Ketua Jabatan